

Penjelasan Islam: ¹³ UM 25 DEC 1999

Shahidan beri tawaran

Oleh ZAID MOHD. NOOR

KANGAR 24 Dis. — Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menyatakan kesediaannya menyerahkan gaji yang diterimanya setiap bulan kepada wakil-wakil rakyat Pas jika mereka bersedia memberi penjelasan sebenarnya mengenai ajaran Islam.

Beliau berkata, tawaran tersebut dibuat memandangkan selama ini ramai kalangan umat Islam di negeri ini telah rosak akidahnya akibat keghairahan pemimpin Pas menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik.

Menurutnya, antara tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pas untuk mencari pengaruh ialah memutar-belitkan hadis dan ayat-ayat al-Quran bagi mempengaruhi rakyat.

"Saya sedia memberi gaji bulanan saya kepada wakil-wakil rakyat Pas yang sanggup mengajar agama dengan betul," katanya ketika menggulung perbincangan menjunjung kasih titah ucapan Tuan-ku Raja Perlis pada persidangan penggal pertama Dewan Undangan Negeri Perlis ke-10 di sini hari ini.

Shahidan mendakwa, pemimpin Pas juga patut bertanggungjawab apabila pengikut-pengikutnya terlalu taksud dengan didikan agama sehingga ada di antara mereka menuduh ^{al-} dan pemimpin UMNO sebagai kafir.



Katanya, masalah perpecahan umat Islam di negeri ini tidak akan berlaku jika pemimpin-pemimpin Pas tidak memutar-belitkan ajaran Islam mengikut sesuka hati.

"Pemimpin Pas perlu sedar terhadap tindakan mereka selama ini yang menggunakan kesucian Islam untuk mendidik pengikut-pengikutnya melakukan perbuatan yang tidak baik," ujarnya.

Beliau juga terkilan apabila terdapat pemimpin Pas yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai 'Mahafiraun'.

Katanya, tuduhan tersebut dibuat dalam siri-siri ceramah politik bagi menanam perasaan benci rakyat kepada pemimpin.

"Saya sedih apabila pemimpin Pas sanggup membuat tuduhan tersebut kepada seorang Perdana Menteri yang banyak berjasa kepada negara dan agama," katanya.